

# NOTIS

Permodalan Nasional Berhad (PNB), sebagai syarikat induk kepada Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), pengurus kepada Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB), semenjak Skim ASB dilancarkan, telah memberi sepuluh (10) unit dikenali sebagai Unit Pokok secara percuma kepada pemegang unit berdaftar apabila mendaftar dan melabur dalam Skim ASB.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa PNB tidak lagi memberi Unit Pokok percuma kepada pemegang unit yang baru mendaftar bagi Skim ASB pada atau selepas 1 Januari, 2009. Unit Pokok yang diberikan kepada pemegang unit berdaftar sebelum 1 Januari, 2009, akan dikekalkan dan tertakluk kepada Jadual 10 Surat Ikatan Skim ASB.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di:

**Jabatan Perhubungan Pelanggan & Ejen ASNB**

Hotline: 03-2057 3000 / 3111 Faks: 03-2050 5220

E-mel: [asnbcare@pnb.com.my](mailto:asnbcare@pnb.com.my)

**[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)**

## **ASNB**

*Pilihan Pelabur Bijak*

Prospektus Induk bagi tabung-tabung unit amanah ASNB bertarikh 30 Jun, 2008, dan Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 24 November, 2008, telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti, dan boleh diperolehi di mana-mana pejabat ASNB dan ejen-ejenjnya. Unit-unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran seperti yang terdapat di dalam Prospektus Induk. Sebelum melabur, sila baca dan fahami kandungan Prospektus Induk dan Prospektus Induk Tambahan Pertama. Jumlah keseluruhan pulangan pelaburan mungkin turun atau naik. Prestasi masa lalu tabung-tabung unit amanah ASNB bukanlah jaminan prestasi masa hadapan. Sebelum melabur, sila pertimbangkan yuran-yuran dan bayaran-bayaran yang dikenakan.